



HGW 372E GEOGRAPHY OF ASEAN AND ASIA PACIFIC COUNTRIES

TAJUK: BINCANGKAN KRISIS DALAMAN DALAM ASPEK SOSIAL, EKONOMI DAN POLITIK YANG PERNAH DIALAMI OLEH NEGARA ASEAN (FILIPINA) SEJAK TAHUN 1960-AN DAN HURAIKAN BEGAIMANA NEGARA-NEGARA ASEAN LAIN MEMBANTU (ATAU BERKECUALI ?) NEGARA-NEGARA INI MENYELESAIKAN KRISIS DALAMAN MEREKA.



FILIPINA

NAMA: NURASYIKIN BINTI JAWAD

NO MATRIK: 136467

EMAIL: syikinjawad97@gmail.com

TARIKH HANTAR: 28 APRIL 2020

NAMA PENILAI: PROF. DR. SURIATI GHAZALI

1.0 PENGENALAN

Krisis dalaman pada masa kini merupakan punca utama menyumbang kepada masalah negara. Masalah ini berpunca daripada aspek sosial, ekonomi dan politik di dalam negara itu sendiri. Masalah dalaman negara ini juga akan menyebabkan kejatuhan ekonomi di mana rakyat bawahan akan menjadi mangsa terpaksa menanggung beban. Status negara juga akan terancam kerana beberapa isu yang melibatkan pemimpin negara.

2.0 LATAR BELAKANG FILIPINA

2.1 LATAR BELAKANG FILIPINA

Filipina atau nama rasminya Republik Filipina merupakan negara kepulauan unitari berdaulat di Asia Tenggara. Mempunyai beribu-ribu pulau yang terbahagi kepada tiga rantau dari utara ke selatan iaitu Luzon, Visayas dan Mindanao. Ibu negara Filipina ialah Manila dan penduduk yang paling ramai tinggal di Bandar Quezon. Manila dan Bandar Quezon tergolong dalam wilayah Metro Manila. Kedudukan Filipina berada di lingkaran api Pasifik dan hampir dengan garisan Khatulistiwa. Kesannya, Filipina sering mengalami gempa bumi dan rebut taufan. Namun, kaya dengan sumber alam dan kepelbagaian biodiversiti terbesar di dunia. Filipina merupakan negara ke-8 Asia paling ramai penduduk dan negara ke-12 paling ramai penduduk di dunia. Terdapat berbilang suku dan etnik di seluruh kepulauan. Selain itu, pada zaman dahulu, orang Austronesia datang secara bergilir-gilir. Kesannya, berlaku percampuran kaum seperti Melayu, Cina dan India. Filipina juga negara yang mengasas Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB), Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO), Persatuan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN), forum Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik (APEC) dan Sidang Kemuncak Asia Timur.

2.2 SEJARAH FILIPINA MENYERTAI ASEAN

Persatuan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN) mula terbentuk yang dianggotai oleh sepuluh buah negara di Asia Tenggara. ASEAN merupakan sebuah pertubuhan antara kerajaan serantau yang menggalakkan kerjasama dari segi sosial, ekonomi, politik dan ketenteraan. Ia terbentuk pada tahun 1961. Persatuan Asia Tenggara (ASA) merupakan permulaan awal pembentukan ASEAN sekarang. Pertikaian berlaku antara Indonesia dan Filipina selepas pembentukan Malaysia pada 16 September 1963. Indonesia dan Filipina menganggap pembentukan Malaysia merupakan penjajahan baharu kepada negara-negara lain. Hal ini demikian kerana, Malaysia mengatakan Sabah dan Sarawak merupakan sebahagian daripada negara Malaysia. Akhirnya, pada 8 Ogos 1967, kelima-lima pemimpin negara Filipina, Indonesia, Malaysia, Singapura dan Thailand bersetuju dan menandatangani satu dokumen yang dipanggil 'Deklarasi ASEAN'. Semua negara Asia Tenggara bersepakat untuk membentuk persefahaman bagi memberi ruang untuk kepentingan bersama.

2.3 LATAR BELAKANG ASEAN DAN FAKTOR PENUBUHANNYA


Selepas Perang Dunia Kedua, rantau Asia Tenggara mengalami pergolakan. Misalnya, tuntutan Filipina terhadap Sabah dan pemisah Singapura dari Malaysia. Disebabkan konflik ini, maka pemimpin negara-negara Asia Tenggara sedar bahawa perlunya kerjasama demi meredakan rasa tidak puas hati dan membangunkan saling kepercayaan antara negara serantau. Dalam tempoh ini, di Filipina perubahan kerajaan daripada Macapagal kepada Presiden Ferdinand Marcos telah mengurangkan ketegangan hubungan yang berlaku antara Filipina dan Malaysia. Tujuan pertama penubuhannya adalah untuk mempercepatkan pertumbuhan ekonomi, sosial dan serantau. Kedua untuk meningkatkan kerjasama kebudayaan serantau. Ketiga, mewujudkan keamanan melalui cara menghormati undang-undang. Keempat kerjasama meluaskan perdagangan antarabangsa dan akhir sekali, mengekalkan kerjasama organisasi untuk manfaat bersama-sama. Kekuatan ASEAN banyak disokong oleh prinsip kerjasama dalam pertubuhan. Antara cirinya ialah pemimpin negara-negara ASEAN dilarang sama sekali mengeluarkan kenyataan terbuka mengkeritik negara lain dan tidak menyokong negara jiran dalam isu pemberontakan.

3.0 KRISIS DALAMAN DARI ASPEK SOSIAL, EKONOMI DAN POLITIK.

3.1 PEMBERONTAKAN MASYARAKAT ISLAM DI MINDANAO

Di wilayah Autonomi Islam Mindanao, kumpulan pemisah terbesar yang dikenali sebagai Barisan Pembebasan Kebangsaan Moro bertempur dengan Kerajaan Pusat. Barisan Pembebasan Kebangsaan Moro (MNLF) adalah pertubuhan politik di Filipina yang bertujuan untuk menegakkan pegangan Islamiah di Sulu, Mindanao dan Palawan. Kumpulan ini disokong oleh Pertubuhan Persidangan Islam yang membenarkan untuk mewakili orang Moro diikuti oleh oleh kumpulan pemerhati. Pada tahun 1950-an, Kerajaan Filipina telah memberi Mindanao kepada petani dan pendatang yang lari dari bahagian lain negara itu untuk meluaskan bidang tanah tersebut. Kini, Mindanao dilihat sebagai rumah kedua selepas penduduk Kristian yang berkembang dengan pantas mencerooboh tanah penduduk Muslim dan suku asli yang lain. Penduduk Muslim merasakan mereka telah kehilangan tanah dan peluang ekonomi. Mereka curiga dengan pegawai Republik disebabkan mereka berasa diperlakukan sebagai warganegara kelas kedua (John Bresnan, 1986:91)

Pada 18 Mac 1968, kira-kira 200 pelatih tentera Muslim dibunuh oleh Kerajaan Filipina dibawah pemimpin Ferdinand Marcos di Corregidor. Kesannya, sekumpulan kecil penduduk Muslim berasa marah dengan tindakan pemimpin Filipina lalu telah mewujudkan kembali waris kuasa mereka iaitu Kesultanan Sulu termasuklah Sabah. Mereka tidak mempedulikan betapa ganas dan panjangnya usaha ini. Nur Misuari telah memegang jawatan sebagai Pengerusi Barisan Pembebasan Kebangsaan Moro pada awal 1970-an yang merupakan kumpulan anti-Kerajaan Filipina. MNLF telah melakukan pemberontakan di Filipina untuk menegakkan keadilan dengan harapan mendapat kemerdekaan dan mendapatkan hak autonomi tanah mereka di Filipina Selatan. Mereka juga menawarkan dirinya sebagai gerakan pembebasan Muslim Filipino. Kesan daripada pentempuran ini, ramai yang terkorban iaitu di antara 80 000 hingga 200 000 ribu nyawa. Namun, seramai 30 000 ribu orang anggota bersenjata MNLF terkorban. Hingga kini, masyarakat Muslim segelintirnya masih ditindas iaitu dikenali sebagai golongan Rohingnya.



Sumber artikel *Muslim Separation*: Peta Filipina menunjukkan majoriti penduduk Moro-Muslim di Mindanao.

Selain itu, terdapat kumpulan Barisan Pembebasan Islam Moro (MILF). Kumpulan ini merupakan kumpulan pemberontak Muslim di Selatan Filipina yang paling berkuasa. Kumpulan ini aktif di wilayah Bangsamoro di Mindanao iaitu termasuk di daerah kawasan Kepulauan Sulu, Palawan, Basilan dan pulau lain.

Antara keganasan lain yang berlaku di Filipina ialah puak Komunis New People's Army dan Abu Sayyaf pernah menculik warga asing yang melancong di Filipina untuk dijadikan wang tebusan terutamanya di pulau Selatan Mindanao. Kumpulan ini merupakan kumpulan militan di sekitar pulau Jolo dan Basilan, Filipina. Kumpulan ini sangat ganas dan bertanggungjawab melakukan serangan penganas terburuk di Filipina. Sebagai contoh, pengeboman Superferry 14 pada tahun 2004 dan telah mengorbankan 116 orang. Mereka banyak menggunakan alat letupan yang diperbaharui, bom mortar dan senapang automatik (Raymond Bonner, 1992:38).

Sejak penubuhannya pada tahun 1991, Abu Sayyaf telah melakukan pengeboman, penculikan, pembunuhan dan memeras ugut serta menganggap tindakan ini merupakan sebahagian perjuangan mereka untuk wilayah Islam yang merdeka di Filipina. Mereka juga terlibat dalam rogol, jenayah, serangan seksual kanak-kanak, perkahwinan secara paksa dan pengedaran dadah. Matlamat kumpulan sentiasa ganti dari masa ke masa daripada objektif jenayah kepada niat ideologi. Seramai 120 000 hingga 200 000 ribu orang peraliran Islam Filipina di Sabah.



Sumber *google*: Peta yang menunjukkan kepadatan penduduk Filipina mengikut wilayah.

3.2 Kepimpinan AbuBakar Janjalani (1989-1998)

MNLF sedikit demi sedikit telah menjadi sebuah kerajaan politik iaitu Wilayah Autonomi Islam Mindanao (ARMM). Pada tahun 1991, mereka telah menubuhkan Abu Sayyaf. Pada April 1995, Abu Sayyaf telah melakukan serangan pertama di Ipil, Mindanao. Kesannya, dalam aspek sosial dan politik, kawasan Basilan, Jolo dan Sulu telah melihat beberapa tempuran yang sengit antara tentera kerajaan dan kumpulan pemisah Islam Abu Sayyaf. Mereka telah melakukan serangan di selatan Filipina dan menuju ke Manila seterusnya ke wilayah lain negara itu. Dikatakan juga bahawa Abu Sayyaf telah mula berkembang ke negara jiran Malaysia dan Indonesia pada awal 1990-an. Selain itu, mereka memperkukuhkan kekuatan mereka dengan belajar atau bekerja di Arab Saudi.

Mujahidin berlatih perang menentang pencerobohan Soviet ke atas Afghanistan. Akhirnya, mereka mengaku dirinya sebagai Mujahidin dan pejuang kebebasan tetapi tidak disokong oleh orang di Filipina termasuk ulama beragama Islam. Antara beberapa kes jenayah yang dilakukan Abu Sayyaf ialah:

- 1) Amerika merupakan negara pertama yang disasarkan. Pada tahun 1993, Abu Sayyaf telah menculik seorang penterjemah Bible Amerika di selatan Filipina.
- 2) Di Filipina, pada 27 Mei 2001 satu serbuan menculik kira-kira 20 orang Dol Palmas dekat resort di Pulau Palawan. Terdapat tiga tebusan Utara Amerika yang paling berharga iaitu Martin, pasangan mubaligh dan seorang pelancong Peru-Amerika yang telah dipancang oleh Abu Sayyaf. Mereka juga telah menuntut \$ 1 juta sebagai tebusan.
- 3) Di Malaysia, seorang pelancong Cina dari Shanghai dan seorang pekerja resort warga Filipina di Semporna, Sabah yang berada di pusat peranginan telah diculik dan dibawa ke Kepulauan Sulu. Kedua-dua mangsa diselamatkan oleh penduduk selepas kerjasama antara kerajaan Malaysia dan Filipina.



Bendera MNLF



Bendera Abu Sayyaf

4.0 NEGARA-NEGARA ASEAN LAIN ATAU BERKECUALI MEMBANTU FILIPINA MENYELESAIKAN KRISIS DALAMAN.

4.1 KEMPEN PERANG TERHADAP KEGANASAN

Filipina bekerjasama dengan Amerika Syarikat sejak Perang Dunia Ke-2. Perang terhadap Keganasan ini merupakan kempen yang dianjurkan oleh Amerika Syarikat dan disekutui oleh negara Filipina dalam tindakan ketenteraan, politik, undang-undang dan keagamaan. Kempen ini dilakukan oleh AS selepas serangan pada 11 September 2001 terhadap Amerika Syarikat. Tujuannya adalah untuk mencegah keganasan. Setelah bermulanya kempen ini, Filipina menyertai angkatan tenterayang menyokong usaha AS berperang di Iraq.

4.2 ISU FILIPINA HILANG IDENTITI NEGARA

Krisis terbesar yang melanda Filipina pada hari ini ialah kehilangan identiti negara kesan daripada penjajahan yang secara terus menerus melanda negara tersebut selama ratusan tahun.

Menurut Pensyarah Western Mindanao State University, Prof Madya Alih Sakaluran Aiyub berkata, penduduk yang mempunyai kuasa kolonial bermula dengan Sepanyol dan seterusnya Amerika. Masyarakat Filipina tidak mempengaruhi budaya Filipina itu sendiri malah terikut-ikut dengan budaya Barat. Ia akan memberi kesan kepada pemahaman patriotism negara itu. Selain itu, konflik yang berlaku di rantau Arab dibawa masuk ke Filipina dan menyebabkan kewujudan golongan ekstremis di tanah Arab.

Perkara ini telah diulaskan oleh Presiden Rodrigo Duterte. Beliau berhasrat untuk menukar nama republik itu kepada Maharlika. Beliau mengatakan hasratnya itu pada sidang Siri Cendekiawan ATMA-Melayu di Filipina. Sidang itu dihadiri oleh institusi Malaysia iaitu Sejarah, Budaya dan Warisan di Institut Alam & Tamadun Melayu (ATMA) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

4.3 KEINGINAN TUKAR NAMA NEGARA

Nama Filipina berasal dari Raja Sepanyol iaitu Raja Philip II (nama colonial). Namun, dari segi budaya dan sejarahnya, Filipina tidak mempunyai hubungan dengan budaya yang dibawa dari Barat. Mereka juga giat mengusahakan penyelesaian keamanan termasuk pengukuhan Bangsa Moro itu sendiri. Apabila menyebut Filipina, sebenarnya dibawah ASEAN dan bukannya penjajah kolonial. Apa-apa yang diperlukan kini ialah kesatuan antara negara dalam lingkungan ASEAN. Sebelum Eropah membentuk kesatuan Eropah, negara Asia Tenggara sudah memiliki lebih awal termasuk gagasan Maphilindo. Walaupun masyarakat di selatan Mindanao kebanyakannya tidak boleh berbahasa Melayu, namun banyak budaya Melayu yang masih kekal diamalkan sehingga kini.

4.4 IDENTITI BANGSA MORO

Selain masalah peperangan, isu besar yang dihadapi penduduk Muslim di Filipina ialah mengesahkan identiti mereka sebagai Bangsa Moro. Mereka mengalami kehilangan identiti termasuk berlaku kekeliruan dengan proses Arabisasi dan Islamisasi. Tuntutan Bangsa Moro untuk mendapatkan autonomi politik, pembangunan sosio-ekonomi serta penghapusan diskriminasi masih belum diberikan layanan oleh kerajaan pusat. Konflik ini terus berlanjutan selama 51 tahun, 3 minggu dan 1 hari. Pada 1969. Sehingga kini, Filipina disokong oleh negara ASEAN seperti Malaysia, Brunei dan Indonesia. Negara berkecuali yang membantu negara ini seperti Amerika Syarikat, Australia, Libya, Jepun, Norway dan Pakistan.

Antara langkah penyelesaian yang dilakukan ialah menubuhkan Wasatiyah Centre for Peace dengan matlamat menjaga keamanan. Kerajaan Filipina telah memanjangkan usaha memperkenalkan wajah Islam dan Melayu yang sebenarnya. Akhirnya, Wilayah Autonomi Islam Mindanao dibentuk pada 1 Ogos 1989.



Sumber *google*: Negara-negara Asia Tenggara yang menyertai ASEAN.

4.5 TUNTUTAN FILIPINA KE ATAS SABAH

Sabah bukan sahaja menjadi tuntutan Filipina tetapi juga waris Kesultanan Sulu semenjak Perang Dunia Kedua. Pada 1961 isu ini bangkit semula apabila Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu iaitu Tunku Abdul Rahman mencadangkan pembentukan gagasan Malaysia termasuk Borneo Utara. Kerajaan Filipina dibawah kepimpinan Macapagal mempersoalkan kesahihan hak milik British terhadap Borneo Utara. Tentera Udara Filipina telah membentuk tentera persendirian berbentuk gerila untuk menawan semula Sabah. Pada 1962 Macapagal membawa kes tuntutan ini ke Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) untuk menentang pembentukan Malaysia. Satu Sidang Kemuncak telah diadakan di Manila antara pemimpin Malaysia, Filipina dan Indonesia. Persetujuan telah dicapai pada 9 Julai 1963 antara British dan Malaysia. Walaupun hubungan Malaysia dan Filipina telah pulih, namun Kerajaan Filipina masih belum menggugurkan tuntutan ke atas Sabah. Sebagai contoh, perebutan Pulau Ligitan dan Pulau Sipadan di Sabah. Penyerahan kuasa tersebut daripada Kesultanan Sulu kemudian kepada Sepanyol dan secara berperingkat diserahkan kepada Amerika Syarikat, UK dan Northern Ireland dan akhir sekali kepada Malaysia pada 1963 (International Court of Justice 2002a).

Bagi mengurangkan pemberontakan yang berlaku, Kerajaan Filipina telah bercadang untuk mengadakan perbincangan secara aman dengan ahli politik Libya pada tahun 1976. Hal ini demikian kerana, Libya sebagai pihak tengah dan disokong oleh Pertubuhan Persidangan Islam (OIC). Dalam perjanjian tersebut menyatakan supaya diadakan genjatan senjata dan menjadikan wilayah autonomi tersebut sebahagian daripada Republik Filipina. Selain itu, masyarakat Muslim juga dibenarkan untuk mendirikan mahkamah, sekolah dan sistem pentadbiran sendiri. Di samping itu, wilayah yang diduduki masyarakat Muslim itu akan disediakan sebuah majlis perhimpunan perundangan, tentera keselamatan wilayah dan sistem kewangan serta ekonomi sendiri. Pada tahun 1981, golongan yang konservatif membentuk Barisan Pembebasan Islam Moro (MILF). Kemudian, pada tahun 1996, kata sepakat dibentuk dan wilayah autonomi diberikan kepada majoriti penduduk Muslim tersebut. Kini, kawasan itu dikenali sebagai Wilayah Autonomi Muslim Mindanao.

5.0 KESIMPULAN

Menjelang tahun 1960-an, selain tuntutan Filipina terhadap Sabah, pemberontakan penduduk Islam di Selatan Filipina juga merupakan krisis dalaman Filipina. Isu ini telah memberi pengaruh kepada negara-negara ASEAN yang lain dan berkecuali turut terseret dalam kemelut ini. Kerajaan Filipina juga telah menuduh Malaysia memberikan bantuan senjata, kewangan untuk perlindungan dan latihan kepada kumpulan pemisah di Selatan Filipina. Tuduhan dan fitnah ini telah menyebabkan hubungan yang tegang antara kedua-dua negara ini. Ramai pakar pengkaji mengatakan gerakan pengganas Selatan Filipina disokong oleh Malaysia. Dikatakan juga MNLF Ketua Menteri Sabah, Tun Mustapha sebagai dalang membenarkan Sabah dijadikan kem latihan, sumber bekalan dan tempat perlindungan kumpulan pengganas tersebut. Selain itu, Malaysia juga terseret dengankemasukan perlarian warga Filipina secara beramai-ramai. Kesannya, Kerajaan Sabah terpaksa menanggung beban kewangan dari segi penempatan, makanan dan kemudahan-kemudahan lain bagi perlarian Filipina. Kem perlarian juga telah dijadikan sarang jenayah. Selain itu, majikan lebih suka mengambil pekerja Filipina kerana upah yang rendah. Pada tahun 1977, Kerajaan Malaysia telah bersetuju memberikan status kerakyatan kepada pelarian Filipina yang layak mematuhi syarat. Antaranya, dapat menguasai bahasa Malaysia dan dapat menyesuaikan diri dengan budaya masyarakat tempatan. Perdana Menteri Malaysia Tun Dr Mahathir yakin bahawa mereka dapat diserap tanpa sebarang masalah.

6.0 RUJUKAN

- Abdullah, S. (2010). *Policies and Approaches of the Philippines Government Under Gloria Arroyo Macapagal towards the Conflict in Southern Region*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Buendia, R. (2005). The State-Moro Armed Conflict in the Philippines Unresolved National Question or Question of Government? *Asian Journal of Political Sciences*, 109-138.
- Che Man, W. (1990). *Muslim Separation: The Moros of Southern Philippines and the Malays of Southern Thailand*. Singapore: Oxford University Press.
- COTTON, J. (1999). ASEAN AND SOUTHERN HAZE. *CHALLENGING THE PREVAILING MODES OF REGIONAL ENGAGEMENT*, pp. 3-4.
- GEORGE, T. (1980). In *REVOLT IN MINDANAO THE RISE OF ISLAM IN PHILIPPINE POLITICS* (p. 163). SELANGOR: OXFORD UNIVERSITY PRESS.
- HASSAN, W. S. (2002). THE SECURITY IMPLICATIONS OF ILLEGAL IMMIGRANTS IN SABAH. *OCCASIONAL PAPER*, 13-18.
- J.R, S. (2000). *THE MNFL, MILF, THE MEDIA AND PEACE REPORTING*. PASIG: PERPECTIVES ON MEDIA AND PEACE REPORTAGE.
- KREUZER, P. (2009). *CONFLICT IN MORO LAND: PROSPECTS FOR PEACE*. PULAU PINANG: UNIVERSITI SAINS MALAYSIA.
- QUIROS, C. D. (1997). DEAD AIM. *HOW MARCOS AMBUSHED PHILIPPINES DEMOCRACY* , 46.
- Rodil, B. (2003). *A Story of Mindanao and Sulu in Question and Answer*. Davao: MINCODE Publisher.